



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 JANUARI 2022 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

19 JANUARI 2022 (RABU)

Bekal bahan api di luar bandar

Oleh SHAFIQAH SHUKOR

utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Perkhidmatan mengisi minyak mudah alih daripada Petronas Dagangan Berhad (PDB), ROVR, telah melancarkan Sistem Kontena Mudah Alih (PCS) mini pertamanya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kaedah baharu itu dilaksanakan untuk menyediakan komuniti di Kampung Limbawang, Beaufort, Sabah akses kepada bahan api yang lebih mudah.

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia sangat berguna untuk kawasan yang tiada stesen minyak atau stesen minyak itu tidak dapat digunakan akibat bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh.

"PCS ROVR itu direka untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan terpencil yang terletak 10 kilometre (km) atau lebih dari stesen minyak, sebagai sebahagian daripada Rancangan Pembangunan Luar Bandar ROVR dan program komuniti kementerian yang bertujuan untuk memastikan masyarakat di kawasan luar bandar dapat akses kepada keperluan asas yang mencukupi dengan harga yang sama seperti di kawasan bandar.



ALEXANDER Nanta Linggi melancarkan PCS ROVR dengan kerjasama Petronas Dagangan Berhad di Beaufort, Sabah.

"Dengan akses mudah kepada bahan api, komuniti tempatan di kawasan luar bandar akan dapat menjalankan aktiviti harian mereka dengan mudah, sekaligus membantu mempromosikan pembangunan usahawan kecil dan meningkatkan ekonomi tempatan," katanya dalam

kenyataan selepas melancarkan PCS ROVR pertama yang dibuka dengan kerjasama PDB di Beaufort, Sabah.

Tambah beliau, pihaknya gembira melihat usaha PDB melalui ROVR itu untuk membantu penduduk luar bandar di Malaysia Timur.

ROVR perkenal isian bahan api mini pertama

ROVR, perkhidmatan pengisian semula mudah alih daripada Petronas Dagangan Bhd (PDB) melancarkan Sistem Kontena Mudah Alih Mini (PCS Mini) pertamanya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menyediakan akses bahan api yang lebih mudah kepada penduduk Kampung Limbawang, Beaufort, Sabah.

PDB dalam satu kenyataan berkata, PCS Mini ini direka untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan terpencil yang terletak 10 kilometer atau lebih dari stesen minyak, sebagai sebahagian daripada Pelan Pembangunan Luar Bandar ROVR dan program komuniti kementerian.

Ia bagi memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada keperluan asas yang mencukupi dengan harga seperti di bandar.

Dengan akses lebih mudah kepada bahan api pada harga pam runcit, masyarakat luar bandar dapat menjalankan aktiviti harian dengan mudah, sekali gus membantu mempromosikan pem-



Alexander menandatangani plak pelancaran PCS Mini di Kampung Limbawang, Beaufort.

(Foto ihsan PDB)

angunan usahawan berskala kecil dan meningkatkan ekonomi tempatan.

Semasa fasa perintis bermula akhir November 2021, PCS Mini dengan kapasiti 5,000 liter yang beroperasi setiap hari dari jam 7 pagi hingga 7 malam, sudah melayani hampir 3,500 kenderaan dan mengagihkan lebih 30,000 liter bahan api setakat ini.

PDB merancang untuk mem-

perluaskan inisiatif ini ke lebih banyak kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak dengan tapak yang mempunyai jarak 50 kilometer dari stesen minyak terdekat.

"Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan kementerian untuk memperkenalkan PCS Mini di Beaufort, Sabah.

"Pelancaran penyelesaian inovatif ini menandakan peristiwa penting dalam usaha kami me-

mastikan akses tenaga untuk menjana pertumbuhan sosial dan ekonomi.

"Tambahan pula, ROVR terbukti penting semasa krisis, berkhidmat di kawasan larangan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) termasuk kawasan yang dilanda banjir dan pelancaran ini mengesahkan lagi strategi kami untuk menyediakan penyelesaian perniagaan kukuh yang juga memenuhi keperluan masyarakat dan selaras dengan janji bagi menjadikan hidup anda lebih mudah serta lebih baik," kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PDB, Azrul Osman Rani.

Bellau berkata demikian pada majlis pelancaran yang dirasmikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Alexander berkata, pelancaran kerjasama itu seiring misi kementerian bagi meningkatkan jangkauan melalui usaha kemasyarakatan dengan kaedah sistematik, selamat dan diperkasakan masyarakat.



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi signing a plaque to mark the launch of Petronas Dagangan Bhd's first mini portable container system under its mobile refuelling service.

MOBILE REFUELLING SERVICE

PetDag launches mini portable container system in Sabah village

KUALA LUMPUR: Petronas Dagangan Bhd (PetDag) has launched the first mini portable container system (PCS) under its mobile refuelling service called "ROVR".
The effort, which is in collaboration with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, aims to provide the community in Kampung Limbawang, Beaufort in Sabah with easier access

to fuel.
PetDag said in a statement the mini PCS was designed to serve remote areas 10km or more from a petrol station.
This is part of ROVR's rural development plan and the ministry's community drumming programme that aims to ensure communities in rural areas have access to basic necessities at the

same prices as urban areas.
Since the pilot phase began in November, the 5,000-litre mini PCS, which operates daily from 7am to 7pm, has served close to 3,500 vehicles and dispensed more than 30,000 litres of fuel.
PetDag plans to expand the initiative in Sabah and Sarawak, including to areas more than 50km away from a petrol station.

Tuntutan berkaitan bengkel kenderaan lebih RM3 juta

KPDNHEP saran lapor masalah, sedia siasat bantu pengguna

Kuala Lumpur: Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) menerima 413 tuntutan kategori bengkel kenderaan bernilai lebih RM3 juta bagi tempoh 2020 hingga 2021.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata daripada jumlah nilai itu, lebih RM266,000 *award* sudah dikeluarkan TTPM, manakala kes sele-

bihnya belum selesai.

"Jika ada aduan, ada masalah, lapor pada kita (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)), kita akan siasat dan syorkan untuk pergi kepada TTPM kerana itu hak pengguna," katanya pada program Ruang Bicara dengan tajuk *Pascabanjir: Tahu Hak Pengguna, Elak Teraniaya*' terbitan Bernama TV, malam kelmarin.

Beliau berkata, perkara paling penting adalah untuk pengguna menyimpan resit pembelian supaya dapat dijadikan sebagai bahan bukti dan memudahkan pihak penguat kuasa melakukan siasatan terhadap kes berkenaan.

Sementara itu, Rosol berkata, sehingga kini, KPDNHEP sudah memeriksa lebih daripada 1,000 barangan antaranya pakaian,



"Jika ada aduan, ada masalah, lapor pada kita KPDNHEP, kita akan siasat dan syorkan untuk pergi kepada TTPM kerana itu hak pengguna"

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

alat ganti kenderaan dan peralatan di lebih 300 premis seluruh negara menerusi Op Cakna yang dijalankan sejak 1 Januari lalu, dengan fokus terhadap negeri terjejas akibat banjir.

Kelmarin, Rosol dilaporkan berkata, tujuan Op Cakna dilaksanakan untuk mengelak berakunya aktiviti mengambil un-

tung yang tinggi oleh peniaga ketika permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tertentu meningkat selepas banjir.

Katanya, fokus barangan antaranya peralatan elektrik, perabot, pakaian, alat ganti kenderaan dan bengkel kenderaan yang harganya tidak dikawal kerajaan. **BERNAMA**

Lebih RM3 juta nilai tuntutan isu kenderaan

KUALA LUMPUR - Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) menerima 413 tuntutan kategori bengkel kenderaan bernilai lebih RM3 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2021.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah nilai itu, lebih RM266,000 *award* telah dikeluarkan TTPM, manakala kes selebihnya belum selesai.

"Jika ada aduan, ada masalah, lapor pada kita (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), kita akan siasat dan syorkan untuk pergi kepada TTPM kerana itu hak pengguna," katanya di sini pada Selasa.

Beliau berkata, perkara paling penting adalah untuk pengguna menyimpan resit pembelian supaya dapat dijadikan sebagai bahan bukti dan memudahkan pihak penguat kuasa melakukan siasatan terhadap kes berkenaan.

Sementara itu, Rosol berkata, sehingga kini, KPDNHEP telah memeriksa lebih daripada 1,000 barangan antaranya pakaian, alat ganti kenderaan dan peralatan di lebih 300 premis seluruh negara menerusi Op Cakna yang dijalankan sejak 1 Januari lepas, dengan fokus terhadap negeri terjejas akibat banjir.

Pada Isnin, Rosol dilaporkan berkata, tujuan Op Cakna dilaksanakan untuk mengelak berlakunya aktiviti mengambil untung yang tinggi oleh peniaga ketika permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tertentu meningkat selepas banjir.

Jelas Rosol, fokus barangan antaranya peralatan elektrik, perabot, pakaian, alat ganti kenderaan dan bengkel kenderaan yang harganya tidak dikawal kerajaan. - *Bernama*

Ministry ready to assist consumers with claims issues

KUALA LUMPUR: The Tribunal for Consumer Claims Malaysia received 413 claims worth a total of RM3mil under the vehicle workshop category from 2020 to last year.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid said of that amount, more than RM266,000 had been awarded by the tribunal.

"If there is a complaint or problem, report it to us.

"We will investigate and make a recommendation to the tribunal because this involves consumer rights," he said during the *Ruang Bicara* programme titled "Post-Flood: Know Consumer Rights, Avoid Being Duped" which aired on Bernama TV on Monday night.

He said the most important thing was for consumers to keep purchase receipts so that they could be used as proof and to assist enforcement authorities in investigating the case.

He said to date, the ministry had inspected over 1,000 items including clothes, vehicle spare parts and equipment at more than 300 premises nationwide through Ops Cakna since Jan 1 with a focus on states affected by the floods.

Ops Cakna was carried out to prevent profiteering activities by traders when the demand for certain goods and services increased after the floods.

According to Rosol, the focus was on electrical appliances, furniture, clothing, vehicle spare parts and vehicle workshops where prices were not controlled by the government. — Bernama

Pembekal hadkan bekalan ayam

Kuala Terengganu: Peniaga di daerah ini bimbang apabila bekalan ayam segar untuk mereka dihadkan oleh pembekal.

Peniaga, Wali Ridzuan Hudin, 36, berkata, harga ayam segar dijualnya ketika ini adalah RM9 sekilogram.

Katanya, ia berada di bawah harga maksimum Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) iaitu RM9.10 sekilogram.

Namun, yang membimbangkan Wali Ridzuan ialah apabila pembekal mula mengehadkan pengambilan bekalan ayam.

"Biasanya saya akan mengambil bekalan ayam antara 100 hingga 200 kilogram (kg) atau 100 ekor sehari tetapi bermula hari ini (semalam), pembekal mengehadkan pengambilan ayam.

"Seperti hari ini (semalam), saya hanya menerima kira-kira 50kg dan bimbang bekalan ayam semakin berkurangan menjelang musim perayaan," katanya semalam.

Pada masa sama, menurutnya, apabila bekalan ber-



PENIAGA ayam segar di Pasar Chabang Tiga mengeluh apabila pembekalan ayam dihadkan oleh pembekal menjelang musim perayaan Tahun Baharu Cina. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

kurangan, dia bimbang harga akan meningkat sedangkan peniaga terikat dengan harga kawalan.

Bagi Zul Fakrul Amin Abd Manan, 34, dia bimbang berlaku kenaikan harga oleh penternak menjelang Tahun Baharu Cina nanti.

Katanya, kenaikan harga memang biasa berlaku setiap kali musim perayaan.

"Saya harap pihak berkaitan dapat memantau dan melihat isu ini dengan se-


baik-baiknya kerana kami sebagai peniaga juga tersepit dengan situasi ini.

"Kami akur dengan harga kawalan yang ditetapkan kerajaan bagi melindungi pengguna, tetapi berharap suara kami turut didengari," katanya yang biasanya menjual kira-kira 100 ekor ayam sehari.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Terengga-

nu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya akan berusaha mencari alternatif terbaik untuk mengatasi masalah kenaikan harga barangan bagi memastikan semua yang terbahit tidak terbeban.

Katanya, pihaknya bukan hanya mahu melindungi hak pengguna semata-mata malah melindungi hak peniaga dan penternak serta pihak lain yang berada di dalam lapangan.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM7.99	• Telur Gred A RM12.45	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM8.89
	• Daging Lembu Tempatan RM42.99	• Ikan Kembung RM12.90	• Bawang Besar Holland RM1.80	• Kubis Bulat Tempatan RM4.50
	• Daging Lembu Import RM35	• Minyak Masak RM6.50	• Bawang Putih RM5.50	• Tepung Gandum RM2.25
<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>				